

FAKTOR STAF WANITA UNIVERSITI UTARA MALAYSIA MEMPRAKTIKKAN METODOLOGI RASULULLAH S.A.W. DALAM PENDIDIKAN ANAK-ANAK

Syed Sultan Bee Bt. Packeer Mohamed¹

Accepted date: 30 October 2017

Published date: 14 March 2018

To cite this document:

SultanBee, P. (2018). Faktor Staf Wanita Universiti Utara Malaysia Mempraktikkan Metodologi Rasulullah S.A.W. Dalam Pendidikan Anak-Anak. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 3(9), 01 - 14.

Abstrak: Ibu bapa bertanggungjawab sepenuhnya untuk mendidik anak-anak mereka dengan mempraktikkan metodologi yang tepat dan berkesan. Hal ini bagi menyelamatkan mereka daripada terjerumus ke dalam gejala sosial dan keruntuhan akhlak yang semakin berleluasa dalam kalangan remaja sejak akhir-akhir ini. Peningkatan masalah sosial ini secara tidak langsung menggambarkan bahawa terdapat kesilapan dan kecacatan dalam metodologi pendidikan ibu bapa masa kini. Justeru, ibu bapa perlu diberi kesedaran tentang kepentingan mendidik anak-anak dengan mempraktikkan metodologi yang betul iaitu metodologi pendidikan Rasulullah s.a.w. sebagai penyelesaian kepada masalah ini. Sehubungan dengan itu, satu kajian berbentuk kuantitatif telah dijalankan bagi mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi staf wanita Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk mempraktikkan metodologi Rasulullah s.a.w. dalam pendidikan anak-anak mereka. Kajian ini membabitkan responden seramai 306 orang yang terdiri daripada staf bahagian pentadbiran dan akademik UUM. Kaedah soal selidik digunakan untuk mengumpul data manakala perisian Statistical Packages For Social Sciences (SPSS) versi 22.0 digunakan untuk menganalisis data-data yang terkumpul. Hasil kajian mendapati majoriti staf wanita UUM bersetuju bahawa faktor keluarga, persekitaran, pendidikan, media massa dan kesedaran diri sendiri telah mempengaruhi mereka untuk mendidik anak-anak dengan mempraktikkan metodologi pendidikan Rasulullah s.a.w. Kajian ini diharapkan dapat menimbulkan kesedaran kepada ibu bapa untuk berusaha mempraktikkan metodologi Rasulullah s.a.w. dalam mendidik anak-anak agar gejala sosial yang melanda generasi muda negara ini dapat dikurangkan serta lebih ramai individu Muslim yang berakhlak mulia dan berperibadi tinggi dapat dilahirkan.

Kata Kunci: Staf Wanita, Universiti Utara Malaysia, Faktor Mempraktikkan Metodologi Rasulullah s.a.w., Pendidikan Anak-anak.

¹ Penulis merupakan pensyarah kanan di Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia. Beliau mendapat pendidikan tinggi di peringkat Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah di Universiti al-Azhar, Mesir. Bidang pengkhususan beliau ialah Syariah (Fiqh). Beliau giat menulis dan membuat penyelidikan dalam bidang Pengajian Islam.

FACTORS THAT INFLUENCE WOMEN STAFF OF UNIVERSITY UTARA MALAYSIA TO PRACTICE RASULULLAH'S S.A.W. METHODOLOGY IN CHILDREN EDUCATION

Syed Sultan Bee bt. Packer Mohamed

Abstract: Parents are fully responsible to educate their children using the right and proper way. This is to save them from falling into social problems and moral decline which are increasing among teenagers lately. The increasing of social problems indirectly shows that there are imperfections and mistakes made by parents today in educating their children. Hence, parents need to be given the awareness on the importance of educating children by practicing the correct methodology, namely Rasulullah's s.a.w. methodology as the solution to this problem. Consequently, a quantitative study was conducted to investigate the factors that influence women staff of University Utara Malaysia (UUM) to practice Rasulullah's s.a.w. methodology in children education. This study involves a total of 306 respondents consisting the administrative and academic staff. Questionnaires were used to collect data while Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) version 22.0 was used to analyze the collected data. The findings of the study show that majority among the women staff of UUM agreed that family, environment, education, mass media and self-awareness factors have influenced them to educate their children by practicing Rasulullah's s.a.w. education methodology. The outcome of this study is expected to give parents awareness to practice Rasulullah's s.a.w. methodology in educating children in order to decrease social problems among younger generation in this country, besides producing more Muslim individuals with good moral and personality.

Keywords: Women Staff, University Utara Malaysia, Factors of Practicing Rasulullah's s.a.w. Methodology, Children Education.

Pendahuluan

Anak-anak merupakan amanah yang diberikan oleh Allah s.w.t. kepada ibu bapa. Amanah ini harus dijaga dan diberikan pendidikan yang sempurna agar mereka mentaati perintah Allah dan RasulNya. Tanggungjawab menjaga amanah ini terletak sepenuhnya di atas bahu ibu bapa. Oleh itu, mereka tidak sepatutnya menyerahkan tanggungjawab ini kepada pihak lain seperti pengasuh, guru atau keluarga. Perintah ini dijelaskan oleh Allah s.w.t. dalam firmanNya yang berbunyi :

{ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ }

Maksudnya : “Hai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu”. (al-Tahrim, 66:6)

Di samping itu, Rasulullah s.a.w. juga menekankan tanggungjawab ibu bapa dalam mendidik anak-anak dalam sabda Baginda yang berbunyi:

{ كَلُّكُمْ رَاعٍ فَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ ، فَالْأَمِيرُ الَّذِي عَلَى النَّاسِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْهُمْ ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ عَلَى أَهْلِ بَيْتِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْهُمْ ، وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ عَلَى بَيْتِ بَعْلِهَا وَوَالِدِهِ وَهِيَ مَسْئُولَةٌ عَنْهُمْ }

Maksudnya: “Setiap daripada kamu adalah pemimpin (pemelihara) dan bertanggungjawab terhadap orang yang di bawah kepimpinannya. Pemerintah adalah pemimpin rakyatnya dan akan ditanya tentang rakyat yang dipimpinnya. Suami adalah pemimpin keluarganya dan akan ditanya tentang keluarga yang dipimpinnya. Isteri adalah pemimpin rumah suami dan anak-anaknya dan akan ditanya tentang hal yang dipimpinnya”. (al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, no. 2416, Beirut: Dar Ibn Kathir, 1987).

Oleh itu, ibu bapa perlu mendidik anak-anak mereka dengan kaedah yang tepat dan berkesan agar mereka menjadi hamba Allah s.w.t. yang patuh pada semua perintahNya. Namun, berita-berita tentang peningkatan gejala sosial dan keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja Islam masa kini menunjukkan bahawa terdapat kecacatan dan kesilapan dalam kaedah ibu bapa mendidik anak-anak mereka. Kita seringkali diperanjatkan dengan pelbagai macam gejala sosial dan keruntuhan akhlak yang melibatkan remaja seperti membuang anak, mengandung anak luar nikah, merogol, menagih dadah, merokok, meminum arak, membuli, merempit dan sebagainya. Boleh dikatakan hampir setiap hari berita mengenai gejala-gejala yang membabitkan remaja ini terpapar di media massa seperti televisyen dan ruang akhbar.

Selain itu, statistik-statistik berkaitan gejala sosial juga menunjukkan kepada kita angka-angka yang amat menggerunkan. Contohnya, statistik Kementerian Kesihatan pada tahun 2015 mendedahkan sebanyak 3,980 atau 28.8 peratus daripada 13,831 remaja yang berusia antara 10 hingga 19 tahun mengandung anak luar nikah (Utusan Online, 10 September 2016). Manakala statistik jenayah yang disediakan oleh Kementerian Dalam Negeri menunjukkan lebih 600 juvana terlibat dalam kesalahan rogol setiap tahun. Menurut statistik itu, 751 juvana terlibat dalam kesalahan rogol pada tahun 2014; 674 pada 2015 dan 691 pada 2016. Data itu dipecahkan kepada empat kumpulan umur, iaitu mereka yang berumur antara tujuh hingga 10 tahun, 11 hingga 12 tahun, 13 hingga 15 tahun dan 16 hingga 18 tahun (Azlan Zamhari, 2017).

Rentetan itu, ibu bapa perlu sedar tentang kepentingan mendidik anak-anak dengan cara yang betul dan berkesan sebagai jalan penyelesaian kepada masalah ini. Kaedah pendidikan yang terbaik perlu dipraktikkan untuk menyelamatkan anak-anak daripada terjebak dalam masalah sosial yang melanda remaja kita hari ini. Kaedah yang dimaksudkan itu tidak lain hanyalah kaedah pendidikan yang dipraktikkan oleh Rasulullah s.a.w. Hal ini kerana seluruh kehidupan Rasulullah s.a.w. termasuklah pendidikan anak-anak harus menjadi contoh dan ikutan kita agar hidup kita selamat di dunia dan akhirat. Allah s.w.t. menyentuh hal ini dalam firmanNya:

{ لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُو اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا }

Maksudnya: “Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)”. (al-Ahzab, 33:21)

Dengan itu, jelaslah kepada kita bahawa kajian yang menyentuh tentang metodologi pendidikan Rasulullah s.a.w. sangat penting dijalankan sebagai salah satu usaha untuk menangani masalah sosial yang melibatkan golongan remaja. Sehubungan dengan itu, satu

kajian berbentuk kuantitatif telah dijalankan bagi mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi staf wanita Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk mempraktikkan metodologi Rasulullah s.a.w. dalam mendidik anak-anak mereka.

Kajian ini diharapkan dapat menyedarkan ibu bapa tentang pentingnya kembali kepada metodologi Rasulullah s.a.w. dalam usaha mendidik anak-anak pada era globalisasi ini yang terdedah kepada pelbagai bentuk kerosakan dan kemusnahan. Selain daripada itu, kajian ini juga diharapkan dapat memberi kesedaran kepada semua pihak yang menjadi faktor pengaplikasian metodologi pendidikan ini agar sama-sama bekerjasama dan memainkan peranan masing-masing dalam usaha menggalakkan masyarakat untuk mempraktikkan metodologi pendidikan ini.

Sorotan Karya

Metodologi Rasulullah s.a.w. dalam pendidikan anak-anak telah dibincangkan oleh ramai cendekiawan Islam. Antara mereka yang tersohor dalam bidang ini ialah Abdullah Nasih 'Ulwan (2013) yang menulis kitab "*Tarbiyatul Awwal fi al-Islam*" dan Suwaid (1998) yang menulis kitab "*Manhaj al-Tarbiyyah al-Nabawiyyah li al-Tifl*". Sebanyak tujuh metodologi pendidikan Rasulullah s.a.w. telah dibincangkan dalam kedua-dua kitab ini iaitu mendidik dengan keimanan, pembiasaan, contoh teladan, peringatan melalui penceritaan, pengawasan, penghargaan dan hukuman.

Sementara itu, banyak kajian telah membuktikan bahawa metodologi pendidikan Rasulullah s.a.w. ini sangat berkesan dalam membentuk akhlak yang baik dalam diri anak-anak. Misalnya, Khalim Zainal dan Wan Zulkifli Wan Hassan (2009) dalam kajian mereka mendapati seramai lapan daripada sepuluh orang pelajar yang menghadapi masalah disiplin tegar telah berubah tingkah laku mereka dan menjadi pelajar yang berdisiplin. Perubahan ini adalah hasil daripada pementapan iman mereka melalui kaedah membiasakan mereka dengan solat dan mendengar tazkirah agama. Selain itu, Hasriana Desti (2014) dalam kajiannya mendapati metode bercerita telah berhasil meningkatkan disiplin pelajar daripada 2 orang pelajar iaitu sebanyak 10% pada ujian kali pertama kepada 17 pelajar iaitu sebanyak 85% pada ujian kali kedua. Sementara Ayu Wulandari (2012) pula mendapati penggunaan metode hadiah dan hukuman dapat meningkatkan motivasi belajar bagi pelajar di MAN Kota Blitar. Peningkatan motivasi belajar para pelajar dapat diketahui apabila prestasi pelajar meningkat, semangat belajar pelajar bertambah dan pelajar lebih mudah dikendalikan di dalam kelas.

Daripada kajian-kajian di atas, jelaslah kepada kita bahawa mendidik anak-anak dengan mempraktikkan metodologi Rasulullah s.a.w. haruslah menjadi satu kemestian kepada ibu bapa. Faktor-faktor yang mempengaruhi mereka untuk berbuat demikian harus dikaji agar ianya boleh diberi keutamaan dan dibuat penambahbaikan dari semasa ke semasa.

Sehubungan itu, kajian-kajian berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi sikap individu diteliti. Hal ini bagi mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi ibu bapa untuk mendidik anak-anak dengan kaedah Rasulullah s.a.w. kerana ia juga merupakan salah satu sikap individu. Antara kajian yang ditemui berkaitan dengan hal ini ialah kajian Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail dan Noranizah Yusuf (2012). Mereka mengkaji faktor-faktor persekitaran sosial yang boleh mempengaruhi pembentukan jati diri setiap individu. Hasil kajian mendapati ibu bapa, rakan sebaya, sekolah, guru dan media massa memberikan kesan yang cukup signifikan dalam pembentukan jati diri individu. Dalam pada itu, faktor-faktor yang hampir sama telah dikenalpasti oleh pengkaji-pengkaji lain dalam kajian mereka tentang

faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar dalam melakukan ibadah solat. Misalnya, Sharifah Nur Abu (2012) dalam kajiannya mendapati pensyarah, ibu bapa, rakan, diri sendiri dan masyarakat telah mempengaruhi pelajar politeknik Kuching, Sarawak untuk menunaikan solat fardhu. Manakala Ramli Awang dan Rosmaziah Abdul Kadir @ Ismail (2009) pula mendapati ibu bapa, rakan dan media massa telah mempengaruhi pelajar Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam), Universiti Teknologi Malaysia untuk melakukan solat sunat.

Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa faktor-faktor yang mempengaruhi ibu bapa untuk mempraktikkan kaedah pendidikan Rasulullah s.a.w. ialah ibu bapa mereka, rakan, sekolah, guru, latar belakang pendidikan, diri sendiri, media massa dan masyarakat. Faktor-faktor ini perlu dimantapkan peranannya agar pengaplikasian kaedah pendidikan ini dapat dipertingkatkan. Hasilnya, gejala sosial yang menimpa remaja kita dewasa ini dapat dikurangkan.

Metodologi Kajian

Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif. Terdapat lima fasa dalam melaksanakan kajian ini iaitu merekabentuk soal selidik, persampelan, kajian rintis, pengumpulan data dan analisis data. Dalam fasa pertama iaitu merekabentuk soal selidik, pengkaji telah membina soalan-soalan tersebut hasil adaptasi daripada kajian-kajian terdahulu iaitu Sharifah Nur Abu (2012), Ramli Awang dan Rosmaziah Abdul Kadir @ Ismail (2009) serta Napisah Humni, Salehudin Sabar, Mahadi Khalid dan Mohamed Razi Mohd. Suradi (2004). Soalan-soalan tersebut terdiri daripada 16 item yang terkandung dalam 5 tema iaitu faktor keluarga, persekitaran, pendidikan, media massa dan kesedaran diri sendiri. Sementara itu, skala likert empat mata iaitu sangat tidak penting, tidak penting, penting dan sangat penting telah digunakan bagi membuat penilaian bagi setiap item.

Selanjutnya, kajian ini diteruskan dengan fasa kedua iaitu penentuan sampel kajian. Menurut maklumat yang diperolehi daripada Jabatan Pendaftar, jumlah asal staf wanita yang sedang berkhidmat di UUM ketika kajian ini dijalankan ialah seramai 1451 orang. Berdasarkan jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan 1970, saiz populasi seramai 1451 orang memerlukan saiz sampel seramai 306 orang (Sidek Mohd Noah, 2002). Oleh itu, seramai 306 orang staf wanita UUM daripada bahagian akademik dan pentadbiran telah dipilih secara rawak.

Seterusnya, kajian rintis telah dijalankan dalam fasa ketiga. Seramai 50 responden telah terlibat dalam kajian ini. Analisis kebolehpercayaan bagi kajian ini menunjukkan bahawa item-item yang terdapat dalam kelima-lima tema kajian berjaya mengukur faktor-faktor yang mempengaruhi staf wanita UUM untuk mendidik anak-anak mereka dengan mengaplikasi metodologi pendidikan Rasulullah s.a.w. Nilai α -Cronbach yang dicapai ialah 0.97. Ianya adalah jauh lebih besar daripada nilai alpha yang sesuai bagi tujuan penyelidikan iaitu 0.60 (Nunnally, 1978).

Setelah itu, dalam fasa keempat iaitu pengumpulan data, soal selidik telah diedarkan kepada responden. Manakala dalam fasa kelima iaitu analisis data, data yang telah dikumpulkan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Packages For Social Sciences (SPSS)* versi 22.0. Analisis deskriptif telah digunakan untuk tujuan tersebut.

Analisis Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dapatan kajian dibahagikan kepada dua sub topik iaitu demografi responden dan faktor-faktor yang mempengaruhi staf wanita UUM untuk mempraktikkan metodologi Rasulullah s.a.w. dalam pendidikan anak-anak. Berikut ialah perbincangan tentang kedua-dua sub topik tersebut:

Demografi Responden

Kajian ini melibatkan seramai 306 orang responden yang terdiri daripada staf wanita bahagian pentadbiran dan akademik UUM. Kebanyakan responden dalam kajian ini berumur antara 31-40 tahun iaitu seramai 143 daripada 306 orang. Rata-rata mereka iaitu 81 orang mempunyai 2 orang anak dan majoriti daripada kalangan mereka iaitu seramai 231 orang mempunyai anak dalam lingkungan umur antara 4 hingga 12 tahun. Selain daripada itu, seramai 89 orang daripada mereka memiliki Ijazah Sarjana Muda, iaitu taraf pendidikan yang mencapai angka tertinggi berbanding taraf pendidikan yang lain. Sementara itu, ramai dalam kalangan mereka mendapat pendidikan agama secara formal iaitu seramai 181 orang. Seterusnya, daripada 306 orang responden, 262 daripada mereka sedang berkhidmat di bahagian pentadbiran UUM.

Faktor-faktor yang mempengaruhi staf wanita UUM untuk mempraktikkan metodologi Rasulullah s.a.w. dalam pendidikan anak-anak

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, soalan-soalan yang diberikan kepada responden terdiri daripada 16 item yang terkandung dalam 5 tema iaitu faktor keluarga, persekitaran, pendidikan, media massa dan kesedaran diri sendiri. Berikut adalah analisis dapatan kajian dan perbincangan bagi setiap faktor:

Jadual 1: Faktor keluarga

Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju
Saya mencontohi ibu bapa saya yang mendidik saya sejak kecil lagi dengan cara didikan Rasulullah s.a.w.	0 (0%)	5 (1.6%)	145 (47.4%)	156 (51%)
Saya mencontohi suami saya yang mendidik anak dengan cara didikan Rasulullah s.a.w.	0 (0%)	9 (2.9%)	149 (48.7%)	148 (48.4%)
Saya mencontohi adik beradik saya yang mendidik anak dengan cara didikan Rasulullah s.a.w.	0 (0%)	13 (4.2%)	154 (50.3%)	139 (45.4%)

Dapatan kajian menunjukkan bahawa hampir separuh responden sangat bersetuju bahawa keluarga menjadi salah satu faktor yang menyebabkan mereka mengaplikasi metodologi Rasulullah s.a.w. dalam mendidik anak-anak. Hanya sebilangan kecil daripada mereka yang tidak melebihi 13 orang menyatakan tidak setuju. Sementara itu, tidak ada seorang pun daripada kalangan mereka yang menyatakan sangat tidak setuju.

Oleh itu, kita mendapati kebanyakan responden mencontohi ibu bapa, suami dan adik beradik dalam mendidik anak-anak mereka dengan mempraktikkan metodologi pendidikan Rasulullah s.a.w. Justeru, dapat kita simpulkan di sini bahawa mereka mendapat ilmu tentang pendidikan cara Rasulullah s.a.w. daripada keluarga mereka. Hal ini membuktikan bahawa keluarga

memainkan peranan yang sangat penting dalam memberi pendidikan kepada setiap individu. Menurut Ishamudin Ismail (2009), institusi keluarga adalah institusi pendidikan yang tidak formal. Ia merupakan institusi yang mula-mula dihadiri oleh anak-anak dan merupakan wadah yang utama dan pertama bagi menyuburkan potensi azali mereka. Oleh itu, seorang bapa dan ibu seharusnya bekerja keras dengan bersungguh-sungguh untuk meningkatkan diri dengan menyerap kesempurnaan sifat-sifat *ilahiah rabbaniah* yang tinggi dan menjadikan sifat-sifat terpuji itu sebagai pertunjuk yang harus diserap dan diikuti oleh anak-anak (Ratna Roshida Abd. Razak dan Nik Haslinda Nik Hussain, 2007).

Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan item pertama iaitu “*saya mencontohi ibu bapa saya yang mendidik saya sejak kecil lagi dengan cara didikan Rasulullah s.a.w.*” memperoleh peratusan yang tertinggi iaitu sebanyak 51%. Hal ini menunjukkan bahawa ibu bapa mempunyai pengaruh yang sangat kuat dalam mencorak hala tuju kehidupan anak-anak dan membentuk perwatakan serta peribadi mereka sama ada cenderung menjadi baik atau sebaliknya. Dapatan ini disokong oleh dapatan kajian Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail dan Noranizah Yusuf (2012) yang mengenalpasti ibu bapa sebagai salah satu faktor persekitaran sosial yang memberikan kesan yang cukup signifikan dalam pembentukan jati diri setiap individu. Perkara ini telah pun dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sabda Baginda yang berbunyi:

{ كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ ، فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ أَوْ يُنَصِّرَانِهِ أَوْ يمجِّسَانِهِ }

Maksudnya: “*Setiap anak dilahirkan di atas fitrah (bersih daripada sebarang dosa). Maka ibu bapanyalah yang menjadikannya yahudi, atau nasrani atau majusi*”. (al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, no. 1319, Beirut: Dar Ibn Kathir, 1987).

Kesimpulannya, dapatlah kita fahami bahawa keluarga terutamanya ibu bapa mempunyai pengaruh yang besar dalam membentuk sikap dan tingkah laku anak-anak. Hal ini kerana keluarga merupakan ejen sosialisasi anak-anak yang terawal dan terdekat. Mereka bertanggungjawab meletakkan asas-asas nilai murni dan akhlak yang tinggi dalam diri anak-anak agar tidak dipengaruhi oleh ejen sosialisasi lain yang bersifat negatif.

Jadual 2 : Faktor Persekitaran

Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju
Saya mencontohi rakan saya yang mendidik anak dengan kaedah didikan Rasulullah s.a.w.	0 (0%)	15 (4.9%)	151 (49.3%)	140 (45.8%)
Saya mencontohi jiran saya yang mendidik anak dengan kaedah didikan Rasulullah s.a.w.	1 (0.3%)	28 (9.2%)	141 (46.1%)	136 (44.4%)
Saya dipengaruhi oleh masyarakat di sekeliling saya yang mendidik anak dengan kaedah didikan Rasulullah s.a.w.	1 (0.3%)	23 (7.5%)	141 (46.1%)	141 (46.1%)

Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju bahawa faktor persekitaran yang terdiri daripada rakan, jiran dan masyarakat mempengaruhi mereka untuk mendidik anak-anak dengan mengaplikasi metodologi pendidikan Rasulullah s.a.w. Setiap individu sejak kecil

lagi cenderung untuk mencontohi orang-orang yang berada dalam persekitaran mereka. Hal ini disokong oleh Maisarah Taufik (1999) di mana beliau menyatakan bahawa ibu bapa harus memastikan anak-anak mereka tinggal dalam lingkungan orang-orang yang boleh memberikan contoh teladan yang baik kepada mereka. Majoriti guru-guru, rakan-rakan di sekolah serta jiran tetangga di rumah haruslah terdiri daripada mereka yang boleh memberi contoh teladan yang baik pada diri anak-anak. Sebaliknya, sekiranya tiada contoh yang baik sama ada di sekolah atau pun di kawasan tempat tinggal, atau pun terlalu sedikit daripada mereka menunjukkan contoh yang baik, maka si anak akan lebih cenderung untuk mencontohi golongan majoriti yang tidak baik.

Di samping itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa item pertama iaitu “*saya mencontohi rakan saya yang mendidik anak dengan metodologi didikan Rasulullah s.a.w.*” memperoleh persetujuan responden yang paling ramai iaitu seramai 291 orang (95.1%). Memandangkan semua responden dalam kajian ini terdiri daripada wanita yang bekerjaya, maka dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian ‘Adawiyah Ismail (2011) yang mendapati bahawa wanita bekerjaya memerlukan rakan untuk berkongsi masalah bagi mendapatkan motivasi untuk meneruskan kehidupan dalam urusan pekerjaan yang dilakukan mahupun berkaitan aspek kekeluargaan seperti penjagaan dan pendidikan anak-anak.

Justeru, dapatlah dirumuskan bahawa individu sangat terpengaruh dengan orang-orang yang berada di sekelilingnya terutamanya rakan sebaya. Hal ini kerana mereka merupakan orang-orang terdekat yang sering digauli oleh individu. Sikap dan tingkah laku mereka amat mudah diikuti dan dicontohi. Oleh itu, individu haruslah memastikan bahawa mereka memilih orang-orang yang baik dan berakhlak mulia di sekeliling mereka untuk dijadikan contoh teladan. Sebaliknya, mereka haruslah tidak terpengaruh dengan sikap-sikap buruk orang-orang yang berada di sekeliling mereka.

Jadual 3 : Faktor pendidikan

Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju
Saya mempraktikkan apa yang saya pelajari di sekolah/universiti tentang metodologi Rasulullah s.a.w. dalam pendidikan anak-anak.	0 (0%)	4 (1.3%)	149 (48.7%)	153 (50%)
Saya mencontohi guru/pensyarah saya yang mendidik saya dengan mempraktikkan metodologi pendidikan Rasulullah s.a.w.	0 (0%)	10 (3.3%)	153 (50%)	143 (46.7%)

Jadual di atas menunjukkan seramai 302 responden bersetuju bahawa mereka mempraktikkan apa yang mereka pelajari di sekolah atau universiti tentang metodologi Rasulullah s.a.w. dalam pendidikan anak-anak. Hanya 4 orang sahaja didapati tidak bersetuju. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pendidikan menjadi salah satu faktor terpenting dalam membentuk sikap dan tingkah laku setiap individu. Asmawati Suhid (2007) menyokong hal ini dengan menyatakan bahawa pendidikan merupakan alat terpenting untuk memperkembang dan membangunkan potensi manusia dan seterusnya menghasilkan modal insan yang memenuhi ciri-ciri nilai Islam dan meningkatkan peradaban ummah. Sementara itu, Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1980) pula menegaskan bahawa pendidikan merupakan proses penerapan adab ke dalam diri seseorang. Menurut beliau lagi, dari perspektif Islam, pendidikan memainkan peranan penting dalam melahirkan insan yang berakhlak dan bermoral. Oleh itu,

dapat dirumuskan bahawa pendidikan yang berteraskan nilai-nilai Islam harus diperolehi secukupnya oleh setiap individu sejak kecil lagi memastikan mereka menjadi manusia yang mempunyai sahsiah yang terpuji.

Seterusnya, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa majoriti responden iaitu seramai 296 orang (96.7%) bersetuju bahawa mereka mencontohi guru atau pensyarah mereka yang mendidik mereka dengan mempraktikkan metodologi pendidikan Rasulullah s.a.w. Dapat dirumuskan daripada dapatan ini bahawa kebanyakan responden telah mendapat pendidikan daripada guru-guru yang berjaya menjadi ikutan dan contoh teladan kepada murid-murid mereka. Dalam konteks ini, Ab. Halim Tamuri dan Mohamad Khairul Azman Ajuhary (2010) menyatakan bahawa sebagai *role model*, guru mesti mempunyai sahsiah yang unggul supaya mereka dapat dicontohi dan dihormati. Tingkah laku dan sikap guru sentiasa diperhatikan dan dinilai oleh murid-murid bukan sahaja semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah atau di dalam sekolah malah juga ketika di luar kawasan sekolah.

Lantaran itu, dapatlah disimpulkan bahawa guru dan latarbelakang pendidikan memainkan peranan yang penting dalam membentuk peribadi individu yang mulia. Guru terutamanya merupakan pengaruh yang paling penting dalam perkembangan pelajar daripada segi fizikal, intelek, emosi dan sosialnya. Justeru, para guru haruslah berusaha menjadi seorang guru yang bersifat penyayang, cekap menguruskan aktiviti pengajaran pembelajaran dalam bilik darjah serta menunjukkan contoh teladan yang baik kepada pelajar mereka.

Jadual 4: Faktor Media massa

Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju
Saya dapat menambah ilmu pengetahuan saya tentang metodologi Rasulullah s.a.w. dalam pendidikan anak-anak melalui rancangan yang disiarkan di radio dan televisyen.	0 (0%)	4 (1.3%)	178 (58.2%)	124 (40.5%)
Saya dapat menambah ilmu pengetahuan saya tentang metodologi Rasulullah s.a.w. dalam pendidikan anak-anak melalui buku-buku yang dijual di pasaran.	0 (0%)	2 (0.7%)	164 (53.6%)	140 (45.8%)
Saya dapat menambah ilmu pengetahuan saya tentang metodologi Rasulullah s.a.w. dalam pendidikan anak-anak melalui tulisan-tulisan ilmiah di majalah/surat khabar.	0 (0%)	5 (1.6%)	179 (58.5%)	122 (39.9%)
Saya dapat menambah ilmu pengetahuan saya tentang metodologi Rasulullah s.a.w. dalam pendidikan anak-anak melalui bahan-bahan bacaan ilmiah di internet.	0 (0%)	5 (1.6%)	176 (57.5%)	125 (40.8%)

Dapatan kajian menunjukkan bahawa hampir keseluruhan responden bersetuju bahawa media massa merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi mereka untuk mempraktikkan metodologi Rasulullah s.a.w. dalam mendidik anak-anak. Mereka didapati memperoleh pengetahuan tentang hal ini menerusi media cetak dan elektronik seperti buku, surat khabar,

majalah radio, televisyen dan internet. Hal ini menggambarkan bahawa mereka bijak menggunakan media massa bagi mendapatkan manfaat daripadanya.

Seperti yang kita ketahui, masyarakat dan media massa mempunyai hubungan yang tidak dapat dipisahkan. Segala isi dan peristiwa yang berlaku dalam masyarakat menjadi sumber informasi bagi media massa. Justeru, media massa mempunyai peranan dan tanggungjawab yang besar dalam membangun dan membina masyarakat. Menurut Mohd Yusof Othman (2010), media telah terbukti merupakan peralatan atau perantara terpenting dalam menyampaikan maklumat dan mesej tertentu. Kepentingan media bukan sekadar terhenti setakat menyampaikan maklumat sahaja, tetapi lebih daripada itu kerana media berperanan dalam membentuk pola pemikiran masyarakat. Namun demikian, perubahan yang berlaku dalam masyarakat disebabkan oleh media massa boleh menuju ke arah kebaikan dan juga menuju ke arah kemudatan. Kebaikan kerana media berperanan dalam menyampaikan maklumat daripada pihak tertentu untuk kesejahteraan masyarakat, kehidupan yang lebih harmoni sesama manusia dan alam di persekitarannya. Kemudatan kerana ada di antara mereka berusaha di sebalik media untuk membangunkan agenda tersendiri (sama ada individu atau kumpulannya) yang membelakangkan kehidupan harmoni masyarakat dan alam di persekitarannya.

Selain itu, Aminudin Basir @ Ahmad, Mohamad Sabri Haron dan Nik Yusri Musa (2009) juga menyentuh hal ini dalam kajian mereka. Mereka menegaskan bahawa media yang digerakkan dengan penuh kesedaran sosial mampu membawa pelbagai manfaat kepada masyarakat dan negara. Akan tetapi, media yang dilonjakkan dengan semangat mencari laba dan keuntungan semata tanpa memikirkan kemusnahan akhlak dan pemikiran bangsa akan mengundang pelbagai malapetaka. Justeru, masyarakat perlu pandai menggunakan media massa bagi tujuan untuk mendapatkan kebaikan semata-mata dan bukan membiarkannya mempengaruhi mereka sehingga mengakibatkan mereka hilang jati diri.

Daripada perbincangan di atas, jelaslah kepada kita bahawa perkembangan individu dipengaruhi oleh pendedahannya kepada media massa. Hal ini kerana ianya telah menjadi sumber kepada individu untuk mendapatkan maklumat dan juga ilmu pengetahuan. Ada media massa yang memberi pengaruh positif kepada penggunaanya dan ada yang memberi pengaruh negatif. Oleh itu, setiap individu haruslah menapis setiap maklumat yang diperolehi daripada media massa bagi mengelakkan mereka daripada terpesong daripada landasan yang betul.

Jadual 5 : Faktor kesedaran diri sendiri

Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju
Saya berusaha membaca buku/majalah/surat khabar/ bahan-bahan bacaan dalam internet untuk mendapatkan maklumat tentang metodologi Rasulullah s.a.w. dalam pendidikan anak-anak.	0 (0%)	3 (1%)	176 (57.5%)	127 (41.5%)
Saya banyak menghadiri kursus untuk meningkatkan pengetahuan saya tentang cara mendidik anak dengan menggunakan metodologi Rasulullah s.a.w.	0 (0%)	23 (7.5%)	173 (56.5%)	110 (35.9%)

Saya banyak menghadiri ceramah untuk meningkatkan pengetahuan saya tentang cara mendidik anak dengan menggunakan metodologi Rasulullah s.a.w.	0 (0%)	9 (2.9%)	190 (62.1%)	107 (35%)
Saya banyak bertanya kepada orang yang lebih berilmu tentang cara mendidik anak dengan menggunakan metodologi Rasulullah s.a.w.	0 (0%)	5 (1.6%)	184 (60.1%)	117 (38.2%)

Jadual di atas menunjukkan bahawa hampir keseluruhan responden bersetuju bahawa kesedaran diri sendiri menjadi salah satu faktor kepada mereka untuk mempraktikkan metodologi Rasulullah s.a.w. dalam mendidik anak-anak. Mereka didapati banyak membaca bahan-bahan bacaan tentang metodologi pendidikan Rasulullah s.a.w. sama ada daripada bahan bercetak mahu pun atas talian. Selain itu, mereka juga didapati menghadiri kursus-kursus dan ceramah-ceramah serta banyak bertanya kepada orang yang lebih berilmu tentang hal ini. Sikap ini menunjukkan bahawa mereka memahami tentang kepentingan menuntut ilmu dalam kehidupan setiap individu Muslim. Terdapat banyak dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah yang menyeru umat Islam menuntut ilmu. Antaranya firman Allah s.w.t. dalam surah Taha, ayat 114 yang berbunyi:

{وَقُلْ رَبِّ زِدْنِي عِلْمًا}

Maksudnya: “Dan berdoalah dengan berkata: "Wahai Tuhanku, tambahilah ilmuku”.

Tantawi (2007) ketika mengupas ayat ini menjelaskan bahawa Allah s.w.t. dalam ayat ini memerintahkan Rasulullah s.a.w. untuk memohon kepadaNya agar Dia menambahkan ilmu yang bermanfaat kepada Baginda. Begitulah juga seruan ini ditujukan kepada kita, umat Baginda s.a.w. Oleh itu, kita seharusnya berusaha menuntut ilmu sambil berdoa kepada Allah s.w.t. untuk menambahkan ilmu kepada kita.

Manakala dalil daripada al-Sunnah pula ialah sabda Rasulullah s.a.w. yang berbunyi:

{مَنْ يُرِدِ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهْهُ فِي الدِّينِ}

Maksudnya: “Barang siapa yang Allah kehendaki kebaikan baginya maka Allah akan membuat dia faqih (faham) tentang ilmu agama”.

(Muslim, Sahih Muslim, no. 1037, Beirut: Dar Ihya al-Turath,t.t.).

Imam al-Nawawi (2016) ketika mengulas hadis ini menyatakan bahawa terkandung dalam hadis ini tentang keistimewaan ilmu dan gesaan Rasulullah s.a.w. terhadap umatnya untuk mempelajari agama. Hal ini kerana ianya membawa kepada ketakwaan kepada Allah s.w.t.

Di samping itu, para ulama juga banyak menyentuh tentang keistimewaan menuntut ilmu. Misalnya, Imam al-Nawawi (1985) dalam kitabnya *Raudhah al-Talibin* menyebut:

"فإن الاشتغال بالعلم من أفضل القرب وأجل الطاعات، وأهم أنواع الخير وأكد العبادات، وأولى ما أنفقت فيه نفائس الأوقات"

Maksudnya: *“Sesungguhnya menyibukkan diri dengan ilmu merupakan sebaik-baik jalan untuk mendekatkan diri kepada Allah, mulia-mulia ketaatan kepadaNya. Ia menjadi kebaikan yang paling utama dan ibadat yang paling kuat. Waktu yang paling berharga sebaiknya digunakan untuk mendapatkannya”*.

Oleh itu, setiap individu Muslim haruslah menyedari bahawa ilmu mempunyai pengaruh yang besar dalam membentuk personaliti yang baik dalam diri mereka. Mereka juga perlu menyedari bahawa menuntut ilmu merupakan perintah Allah s.w.t. dan Rasulullah s.a.w. yang mesti ditunaikan. Lantaran itu, mereka haruslah berusaha mendapatkannya tanpa henti-henti sepanjang hayat mereka lebih-lebih lagi pada zaman ini di mana ilmu boleh didapati dengan mudah dalam pelbagai bentuk hasil daripada kemajuan sains dan teknologi.

Kesimpulan

Ibu bapa perlu mempraktikkan keadah yang betul dan berkesan dalam mendidik anak-anak mereka agar mereka tidak terlibat dalam gejala sosial yang semakin menular dalam kalangan remaja sejak kebelakangan ini. Jalan penyelesaian kepada masalah ini ialah ibu bapa haruslah mempraktikkan metodologi Rasulullah s.a.w. dalam mendidik anak-anak mereka. Oleh itu, bagi meningkatkan pengaplikasian metodologi pendidikan ini dalam kalangan ibu bapa, kajian mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi mereka untuk mengaplikasikannya amat penting dijalankan. Hal ini kerana apabila faktor-faktor tersebut dikenalpasti, ibu bapa dapat didorong untuk mempraktikkan metodologi pendidikan ini melalui pengaruh faktor-faktor tersebut.

Sehubungan dengan itu, satu kajian berbentuk kuantitatif telah dijalankan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi staf wanita UUM untuk mempraktikkan metodologi Rasulullah s.a.w. dalam mendidik anak-anak mereka. Hasil kajian mendapati majoriti staf wanita UUM bersetuju bahawa faktor keluarga, persekitaran, pendidikan, media massa dan kesedaran diri sendiri telah mempengaruhi mereka untuk mempraktikkan metodologi pendidikan ini. Hal ini mungkin kerana faktor-faktor tersebut merupakan perkara-perkara yang dekat dengan individu dan mereka tidak dapat dipisahkan daripada perkara-perkara tersebut. Jadi, tidak hairanlah jika ia mempunyai pengaruh yang besar dan penting dalam membentuk sikap dan tingkah laku mereka.

Bertitik tolak daripada itu, setiap faktor yang mempengaruhi pengaplikasian metodologi pendidikan Rasulullah s.a.w. dalam kalangan ibu bapa perlu diberi perhatian dan dibuat penambahbaikan dari semasa ke semasa. Semua pihak bermula daripada individu, keluarga, sistem pendidikan, media massa, kerajaan dan NGO perlu bekerjasama untuk meningkatkan pengaplikasian metodologi ini. Ilmu pengetahuan tentang metodologi pendidikan Rasulullah s.a.w. ini perlu disebar dengan meluas kepada seluruh masyarakat agar mereka dapat menilai semula metodologi pendidikan yang sedang mereka praktikkan dan seterusnya memperbaikinya. Hal ini bagi mengelakkan ibu bapa daripada melakukan kesalahan dan kecacatan dalam mendidik anak-anak yang boleh mengakibatkan mereka terjerumus dalam gejala sosial yang melanda remaja negara ini.

Rujukan

- Al-Quran al-Karim dan terjemahannya
Abdullah Nasih 'Ulwan. (2013). *Tarbiyatul Awlad fi al-Islam*. Kaherah : Dar al-Salam.
- Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary. (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(1), 43-56. Diperolehi daripada <https://core.ac.uk/download/pdf/11489996.pdf>.
- A'dawiyah Ismail. (2011). Pembentukan Keluarga Berkualiti dalam kalangan Wanita Bekerjaya Menurut Islam: Kajian Kes di Putrajaya. *Tesis Doktor Falsafah*: Universiti Sains Malaysia.
- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad bin Ismail. (1987). *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Muhiyuddin bin Syaraf. (1985). *Raudhah al-Talibin*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Muhiyuddin bin Syaraf. (2016). *Sahih Muslim Bi Syarhi al-Nawawi*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Aminudin Basir @ Ahmad, Mohamad Sabri Haron & Nik Yusri Musa. (2009). Kebebasan Media Komunikasi Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Hadhari*,(2), 65-82. Diperolehi daripada <http://journalarticle.ukm.my/242/1/1.pdf>
- Asmawati Suhid. (2007). Pengajaran Adab dan Akhlak Islam dalam Membangunkan Modal Insan. *Jurnal Pengajian Umum*, (8), 167-177. Diperolehi daripada http://www.ukm.my/jmalim/images/vol_08_2007/artikel%209%20-%20asmawati%20-%20167-178.pdf
- Ayu Wulandari. (2012). Penggunaan Metode Hadiah dan Hukuman dalam Meningkatkan Motivasi Belajar Peserta Didik di MAN Kota Blitar. Tulungagung: *Latihan Ilmiah*: Institut Agama Islam Negeri Tulungagung. Diperolehi daripada <http://repo.iain-tulungagung.ac.id/847/>.
- Azlan Zamhari. (5 Mei, 2017). Rogol: Lebih 600 Juvana Terlibat Setiap Tahun. *Malaysiakini*. Diperolehi daripada <https://www.malaysiakini.com/news/381285>
- Hasriana Desti. (2014). Meningkatkan Kedisiplinan Melalui Metode Bercerita pada Kelompok Bermain di Paud Amanah Kota Lubuklinggau. Bengkulu: *Latihan Ilmiah*: Universitas Bengkulu. Diperolehi daripada : <http://repository.unib.ac.id/8543/>
- Khalim Zainal & Wan Zulkifli Wan Hassan. (2009). Pendekatan Islam dalam Menangani Masalah Disiplin Tegar dalam Kalangan Pelajar Sekolah : Satu Kajian Kes. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1 (2), 1-14. Diperolehi daripada http://www.ukm.my/jiae/pdf/6_0.pdf
- Ishamudin Ismail. (2009). *Kaunseling Keibubapaan*. Kajang: Aras Mega (M) Sdn. Bhd.
- Maisarah Taufik. (1999). *Anak Nakal: Metodologi Mengatasinya*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Mohd Yusof Othman. (2010). Media dan Isu Alam Sekitar. *Jurnal Hadhari*,2 (2), 1-17. Diperolehi daripada <file:///C:/Users/ASUS/Downloads/12235-33346-1-SM.pdf>
- Muslim, Abu al-Husain bin al-Hajjaj. (t.t.). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya al-Turath.
- Napisah Humni, Salehudin Sabar, Mahadi Khalid & Mohamed Razi Mohd. Suradi. (2004). Perlaksanaan Ibadah Solat Fardhu di Kalangan Guru Pelatih Islam Maktab Perguruan Batu Lintang. *Jurnal Penyelidikan MPBL*,(5), 103-116. Diperolehi daripada <http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/jurnalpapers/Jurnal2004/ustazah2004.pdf>
- Nunnally, J.C. (1978). *Psychometric Theory, 2nd Edition*. New York : McGraw-Hill.
- Ramli Awang & Rosmaziah Abdul Kadir @ Ismail. (2009). *Amalan Solat Sunat di Kalangan Pelajar Tahun Akhir SPI. Satu Kajian di Universiti Teknologi Malaysia*. Tesis Ijazah

- Sarjana Muda. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia. Diperolehi daripada: <http://merr.utm.my/12228/>
- Ratna Roshida Abd. Razak & Nik Haslinda Nik Hussain. (2007). Peranan Institusi Keluarga dalam Penjanaan Bangsa Bertamadun. *Jurnal Kemanusiaan*,(9), 73-82. Diperolehi daripada http://www.management.utm.my/jurnal-kemanusiaan/attachments/article/157/JK9_157.pdf.
- Sharifah Nur Abu. (2012). *Pengamalan Solat Fardhu dalam Kalangan Pelajar Politeknik Kuching Sarawak*. Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Penyelidikan Pengajian Islam II (ISRIS II), pada 15-16 Februari, Kuala Lumpur, Universiti Malaya. Diperolehi daripada <http://dspace.poliku.edu.my/xmlui/bitstream/handle/123456789/636/Pengamalan%20solat%20fardhu%20di%20PKS.pdf?sequence=1>
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan*. Serdang : Universiti Putra Malaysia.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. (1980). *The Concept of Education in Islam*. Kuala Lumpur: ABIM
- Suwaid, Muhammad Nur bin Abdul Hafiz. (1998). *Manhaj al-Tarbiyyah al-Nabawiyyah li al-Tifli*. Beirut : Dar Ibn Kathir.
- Tantawi, Muhammad Sayyid. (2007). *Al-Tafsir al-Wasit*. Kaherah : Dar al-Sa'adah.
- Utusan Online. (10 September 2016). 3,980 Remaja Hamil Anak Luar Nikah. Diperolehi daripada <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/3-980-remaja-hamil-anak-luar-nikah-1.380841>
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Moranizah Yusuf. (2012). Faktor Persekitaran Sosial dan Hubungannya dengan Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Hadhari*,155-172. Diperolehi daripada: <http://journalarticle.ukm.my/6104/>